# Nabi ﷺ tidak mengetahui perpisahan surah sehinggalah diturunkan kepada baginda: “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.”

Dari Ibnu 'Abbas RA, beliau berkata: Nabi ﷺ tidak mengetahui perpisahan surah sehinggalah diturunkan kepada baginda: “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.”

[صحيح] [رواه أبو داود]

Ibn ‘Abbas رضي الله عنهما menjelaskan bahawa surah-surah al-Quran al-Karim diturunkan kepada Nabi ﷺ dan baginda tidak mengetahui pemisahan dan pengakhirannya, sehinggalah diturunkan kepada baginda: "بسم الله الرحمن الرحيم", maka baginda mengetahui bahawa surah sebelumnya telah tamat, dan ia adalah permulaan bagi surah yang baharu.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65051

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY
لجنة الدعوة الإلكترونية
EDC E-Da'wah Committee